

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN TAHUN 2020**

**PADA : 03 JANUARI 2020 (JUMAAT)
MASA : 08.30 PAGI
TEMPAT : DEWAN THEATRETTE, WISMA NEGERI**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat,
Sejahtera.**

Terima Kasih pengerusi majlis,

**YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**

**YB Dato' Dr. Razali Abdul Malik,
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan**

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

YBhg. Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan,

**Tuan-tuan, Puan-puan dan penjawat awam yang
saya kasihi sekalian,**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya dapat kita semua hadir dan berkumpul di pagi barakah ini, bersempena dengan **Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus 2020.**

2. Pertama sekali, saya ingin mengalu-alukan kehadiran **YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam** untuk bersama-sama kita dalam majlis

ini. Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan agensi strategik di Negeri Sembilan, yang menganjurkan perhimpunan pada pagi ini. Saya yakin dan percaya, dengan tahun baru, semangat dan iltizam warga kerja Negeri Sembilan juga baru.

3. Semangat dan komitmen semua penjawat awam yang turut terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini serta semua pihak dalam menyokong usaha memperkasa penyampaian dan gerak kerja Kerajaan Negeri amat saya

hargai. Bak kata teromba yang kuat memikul beban, yang cerdik disuruh berunding, yang bingung disuruh arah.

Penyampaian Perkhidmatan

Sidang hadirin sekalian,

4. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri Sembilan telah mencatatkan kejayaan yang cemerlang sepanjang tahun **2019**. Antara kejayaan yang paling membanggakan adalah kejayaan mengutip hasil sebanyak **RM556.4 juta (129.4%)** berbanding belanjawan sebanyak **RM430 juta**. Kejayaan ini tidak mungkin dapat

dicapai tanpa komitmen yang jitu daripada penjawat awam khususnya daripada semua Pejabat-pejabat Pemungut Hasil.

5. Semasa **Belanjawan Tahun 2019** yang lalu, saya telah memperkenalkan tagline **“Memperkayakan Hasil, Memakmurkan Kekayaan”** dengan sebanyak **4 Strategi** dan **10 Pelan Tindakan** telah digariskan. Antara Strategi yang digariskan adalah menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan awam dan prosedur kerja. Sebagai contoh, **Pejabat Tanah dan Galian (PTG)** telah memperkenalkan

penggunaan **e-Doket** ke atas **20 pemegang permit bahan batuan (Fasa 1)** mulai **pertengahan tahun 2019** bagi menggantikan **buku doket** secara manual yang terdedah kepada berlakunya ketirisan.

6. Hasilnya, Kerajaan Negeri telah berjaya mengutip **permit bahan batuan** sebanyak **RM38.62** juta pada tahun **2019**, berbanding **RM33.99** juta pada tahun **2018**, iaitu kenaikan sebanyak **RM4.63** juta (**13.62%**).

7. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga komited untuk menambahbaik kemudahan dan peralatan yang boleh meningkatkan kecekapan dan mutu penyampaian perkhidmatan awam. Sebagai contoh, sebanyak **11 kenderaan penguatkuasaan** dan **8 alat ukur elektromagnetik** telah dibekalkan kepada semua **Pejabat Tanah dan Daerah**. Alhamdulillah, kesannya, kita telah berjaya mengutip **Hasil Cukai** sebanyak **RM126.48juta (101.55%)** iaitu **satu kutipan tertinggi dalam tempoh 5 tahun**. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua Pentadbir Tanah. Ini

membuktikan bahawa, tiada apa yang mustahil untuk dicapai sekiranya semua pihak berikan kerjasama yang baik dan bekerja dalam satu pasukan yang kukuh.

8. Syukur Alhamdulillah, Negeri Sembilan kini berada dalam keadaan pentadbiran bersih, rakyat muafakat dan negeri sejahtera. Tahniah kepada semua. Inilah hasil muafakat Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan yang berdiri teguh di belakang saya. Bak kata orang tua-tua:

**Seikat bak sirih, serumpun bak serai,
Seciap bak ayam, sedencing bak besi,
Malu tak boleh diagih, suka tak boleh diinjak,
Melompat sama parah, menyerudup sama
bongkok,
Jalan sedundun, selenggang seayun.**

9. Maka, untuk **Tahun 2020** ini, menjadi harapan saya agar kekayaan dan kemakmuran hasil Negeri Sembilan yang sedang kita kecapai dapat kekal mampan dan berdaya tahan selaras dengan tema **Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2020** iaitu **Melestari Ekonomi,**

Menyejahtera Rakyat. Sama-samalah kita berusaha ke arah itu.

Bonus Penjawat Awam

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Seperti mana yang telah diumumkan dalam **Ucapan Belanjawan 2020 Kerajaan Negeri Sembilan** pada **22 November 2019** yang lalu, Kerajaan Negeri bersetuju memberikan **Bantuan Khas Kewangan (BKK)** sebanyak satu **(1) bulan gaji** atau minimum **RM2,000** kepada semua penjawat awam yang berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri.

Bukan itu sahaja, Kerajaan Negeri juga bersetuju memberikan **kosong peratus (0%) faedah Pinjaman Kenderaan dan Komputer** kepada penjawat awam Negeri Sembilan yang membuat pinjaman, berkuat kuasa pada **tahun 2020.**

11. Ini sebagai tanda penghargaan Kerajaan Negeri ke atas komitmen yang ditunjukkan oleh semua penjawat awam di negeri ini. Terima kasih dengan segala kebaikan dan kecemerlangan dengan penjawat awam Negeri Sembilan terus melangkah ke hadapan.

Meningkatkan Hasil Negeri

Hadirin Yang Budiman,

12. **Tahun 2020** bakal membawa cabaran dalam persekitaran kerja dan kita perlu sentiasa bersedia dengan segala ketidakpastian. Sedemikian, untuk Tahun 2020 saya mahu penjawat awam di Negeri Sembilan berpegang kepada **lima (5) strategi** berikut:

(i) Mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan.

13. Kerajaan Negeri sedar bahawa profesionalisme kakitangan awam penting bagi menghindar sebarang tanggapan negatif terhadap perkhidmatan awam. Dengan kehadiran **YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam** untuk bersama-sama kita dalam majlis ini, besar harapan saya supaya penjawat awam seluruh Negeri Sembilan sama ada yang berkhidmat di bawah agensi Kerajaan Negeri atau Persekutuan memberikan perkhidmatan secara professional kepada kerajaan yang memerintah supaya sistem penyampaian

perkhidmatan dapat terus diperkasakan.

14. Terdapat banyak inisiatif yang telah diperkenalkan dalam **Belanjawan Tahun 2020**.

Saya sedar sebahagian besar inisiatif tersebut merupakan perkara baru. Namun saya yakin dengan kemampuan, kemahiran dan profesionalisma penjawat awam terutamanya di Negeri Sembilan, segala perancangan tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya.

15. Saya mohon semua penjawat awam terus mendukung aspirasi kerajaan negeri dengan bekerja bersama-sama saya dan Exco yang lain

dengan lebih kreatif, ikhlas dan berintegriti.

(ii) Mengaplikasi teknologi terkini dalam perkhidmatan awam.

16. Pada **tahun 2019**, beberapa inisiatif baharu telah diperkenalkan antaranya ialah membangunkan sistem **e-Doket, sistem e-Strata, penggunaan alat untuk mengukur lot tanah menggunakan gelombang elektromagnetik** terkini mahupun **pembayaran hasil secara elektronik**. Alhamdulillah, usaha ini telah mula membuahkan hasil seperti yang diharapkan.

17. Saya menyeru sekali lagi untuk semua penjawat awam di Negeri Sembilan amnya, untuk menguasai penggunaan teknologi dan dunia digital bagi mengimbangi tuntutan **Revolusi Industri 4.0** supaya institusi perkhidmatan awam kekal relevan dan dinamik. Sehubungan itu, penjawat awam boleh meneroka bidang teknologi seperti **kecerdasan buatan (AI)** dan **internet kebendaan (IOT)** dalam membantu rutin pekerjaan harian. Gunakanlah teknologi moden ini untuk memudahkan penyampaian perkhidmatan dan

seterusnya untuk meningkatkan hasil negeri supaya dapat menyejahterakan rakyat.

(ii) Merancang Program Bertaraf Nasional dan Antarabangsa di Negeri Sembilan.

18. Penjawat awam di Negeri Sembilan tidak kurang hebatnya. Pada tahun lepas saya melihat pelbagai program bertaraf kebangsaan dan antarabangsa telah dijalankan di Negeri Sembilan. Saya percaya di sebalik tabir kejayaan program, ada dalam kalangan penjawat awam yang memberikan komitmen

yang tinggi demi prestasi negeri dan kepercayaan rakyat akan bertambah baik.

19. Sebagai contoh, **Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli** pada **15 hingga 17 November 2019** berjaya menarik pihak luar untuk mengenali Adat Perpatih yang subur di negeri ini. Di samping itu, **Jelebu Two Wheels Festival, Tampin Eco Challenge, NS Fest, Pesta Bola Ngoca** dan sebagainya mampu meningkatkan jumlah pelancong melawat Negeri Sembilan pada **Tahun 2020**. Saya

berharap pada tahun ini bersempena dengan **Tahun Melawat Malaysia 2020**, lebih banyak program telah dirancang untuk menarik lebih ramai pelancong ataupun peserta sama ada di dalam Malaysia ataupun dari luar negara.

(iii) Merancang pembangunan bandar di Negeri Sembilan.

20. Seperti semua sedia maklum, Negeri Sembilan telah pun mempunyai satu daerah bertaraf bandar raya selain dua **(2)** lagi bertaraf perbandaran. Saya mahukan penjawat awam

kreatif memikirkan pembangunan bandar di Negeri Sembilan selari dengan **Agenda Perbandaran Baharu** atau ***New Urban Agenda (NUA)***. Agenda ini merangkumi **lima (5) teras strategik** yang akan mencorakkan hala tuju pembangunan dan kesejahteraan bandar dalam tempoh **20 tahun** akan datang iaitu **kemakmuran bandar, sosial inklusif, kelestarian persekitaran, urus tadbir dan pembangunan spatial** (ruang). Lima **(5) teras** ini akan menjadi visi ke arah mencapai pembangunan perbandaran mampan. Kalau di bandar lain sibuk membincangkan bandar pintar

(smart city) ataupun bandar selamat **(safe city)**, bandar di Negeri Sembilan juga perlu seiring pengurusan, penambahbaikan kualiti perbandaran dan kehidupan sebegini untuk penduduk setempat.

(iv) Menggalakkan penjawat awam mencipta nama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

21. Kerajaan Negeri juga menggalakkan agar lebih ramai penjawat awam mencipta kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kita tidak boleh menafikan rakyat Negeri Sembilan memang hebat. **Muhammad Haiqal Hanafi** muncul sebagai **manusia terpantas** di rantau **Asia Tenggara**, **Irfan Shamsudin**, **jaguh lempar cakera Asia Tenggara** dan **Kisona Selvaduray** muncul srikandi Negeri Sembilan memenangi **pingat emas Sukan SEA 2019** acara **badminton perseorangan wanita**.

22. Justeru, di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada seorang penjawat awam di Negeri Sembilan yang menggondol **pingat perak** dalam acara **sepak**

takraw regu berpasukan Sukan SEA 2019.

Tahniah **Encik Mohd Hafizul Hayazi Adnan**

dari **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Sembilan. Walau bagaimanapun, suka saya

mengingatkan semua penjawat awam yang aktif

mengikut bakat masing-masing, sama ada

bidang sukan, inovasi, seni atau bidang lain

supaya berpegang teguh dengan **Peraturan-**

Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan

Tatatertib) agar tugas hakiki sebagai penjawat

awam tidak diabaikan.

Kepentingan Komunikasi

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian,

23. Selama hampir 2 tahun Kerajaan Pakatan Harapan memerintah Negeri Sembilan, saya dapati proses perubahan minda dan cara gaya kerja di kalangan penjawat awam telah meningkat. Namun kita perlu terus berusaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dari masa ke semasa. Saya percaya, majoriti penjawat awam yang bertugas di negeri ini memahami tugas dan peranan mereka. Di

sinilah pentingnya peranan penjawat awam menjadi duta, mata dan telinga untuk menyampaikan dasar kerajaan yang perlu diketahui oleh rakyat serta melaksana dasar tersebut untuk kesejahteraan rakyat. Insya Allah.

24. Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan atas usaha dan komitmen tinggi yang dipamerkan dalam menjayakan majlis ini. Moga kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan dan diperat lagi dalam usaha memacu pembangunan negeri

serta mewujudkan persekitaran hidup yang berkualiti dan mampan selaras pegangan kata kunci **Bersih · Muafakat · Sejahtera**.

25. Kita sama-sama berdoa, agar Negeri Sembilan terus makmur, aman dan sejahtera.
26. Semoga segala usaha dan kerja kita diredhai dan diterima Allah sebagai bukti pengabdian.

27. Saya akhiri ucapan saya dengan lafaz

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Salam Negeri Sembilan Bersih, Muafakat,

Sejahtera.